



GEMBIRA...Aziz (kiri) bersama calon yang menang dalam pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar UTHM.

Proaspirasi menang

BATU PAHAT: Calon proaspirasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, memenangi pilihan raya kampus tahun ini apabila menyapu bersih sembilan kerusi umum dan 17 kerusi fakulti daripada 27 kerusi dipertandingkan.

Seramai 48 calon bertanding pada pilihan raya berkenaan dengan 19 calon merebut sembilan kerusi umum dan 29 calon lagi merebut 18 kerusi fakulti di tujuh fakulti UTHM.

Keputusan pilihan raya itu diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemi-

lihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM, Prof Dr Abdul Aziz Abdul Samad yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, jam 5.45 petang semalam.

Beliau berkata, peratusan keluar mengundi tahun ini mencatatkan 74.08 peratus atau sebanyak 10,085 pelajar berbanding jumlah pelajar UTHM iaitu 13,614 orang.

Menurutnya, proses pilihan raya kampus UTHM kali ini berjalan lancar apabila pihaknya menambah 13 pusat pengundian berbanding hanya empat pada 2011.